

Selasa, 10 March 2020 | 5:03pm



Presiden Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI), Raja Shah Erman Raja Arifin

## Kementerian Pengajian Tinggi akan perkasa Dasar Pendidikan Tinggi Negara

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my (mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) yakin keputusan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mewujudkan semula Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat meningkatkan fokus pembangunan pendidikan pengajian tinggi negara.

Presidennya, Raja Shah Erman Raja Arifin berkata, memang wajar fungsi antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan dipisahkan kerana masing-masing mempunyai perancangan pembangunan yang berbeza.

"Menerusi kewujudan semula Kementerian Pengajian Tinggi, kita percaya menteri, timbalannya serta pegawainya dapat memberi fokus yang lebih terperinci dan menyeluruh.

"Justeru, pelaksanaan Dasar Pendidikan Tinggi Negara dapat diberi perhatian kerana ia sememangnya memerlukan perancangan teliti dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan media, di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden POTENSI Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP) berkata, seluruh ahli MASTI menyokong terhadap apa juga polisi dan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan semasa dan kepimpinan persatuan itu juga akan sentiasa memberi idea dan pendapat supaya dasar kerajaan hari ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

"MASTI turut berharap dengan kembalinya Kementerian Pengajian Tinggi dapat melihat secara mikro perancangan pendidikan negara yang perlu dibangunkan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden MASTI, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais berkata, agenda yang sudah dirancang oleh pihak kementerian sebelum ini wajar diteruskan.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PPTI) Universiti Malaysia Pahang (UMP), berharap agenda seperti pemerkasaan bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diteruskan.